

Hero pancing pantai Kelanang

Mat Rizal juara pertandingan memancing bawa pulang wang tunai RM7,000

KELANANG - Seorang pekerja kilang tidak menyangka percubaan lebih 10 kali menyertai pertandingan memancing akhirnya membuahkan hasil lumayan kali ini apabila diumumkan sebagai johan dan membawa pulang hadiah wang tunai RM7,000 berserta hamper sempena Pertandingan Santai Pancing di pantai Kelanang.

Mat Rizal Ismail, 38, berjaya menaikkan ikan sembilang seberat 730 gram pada jam 9.05 pagi sekali gus bergelar hero pancing pantai Kelanang sempena cuti umum semalam.

Menurutnya, dia sama sekali tidak menyangka dipilih menjadi pemenang berdasarkan berat ikan yang berjaya dinaikkan.

"Saya terkejut dengan keputusan ini sebab ikan pun tidaklah seberat mana. Dah banyak kali saya sertai pertandingan memancing dan tak sangka saya dapat hadiah wang tunai yang banyak dan sempat menghubungi isteri berkongsi kegembiraan ini."

"Dalam gembira saya tetap bersyukur kerana masa dapat ikan ini pun saya tak fikir ia ikan paling berat berbanding tangkapan peserta



Abdullah Sani (tiga, kanan) bersama Hasnul (dua, kanan) bergambar bersama pemenang Pertandingan Santai Pancing di pantai Kelanang, semalam.

lain," katanya ketika ditemui pada Pertandingan Santai Pancing anjuran Majlis Daerah Kuala Langat di pantai Kelanang, semalam.

Hadir sama, Ahli Parlimen Kuala Langat, Datuk Abdullah Sani Abdul Hamid dan Adun Morib, Hasnul Baharudin.

Bapa tiga anak ini mengakui, lebih 10 kali menyertai pertandingan

memancing, namun ini adalah pertama kali rangkut johan.

Sementara tempat kedua dimenangi Simah anak Landon, 24, dari Kampung Orang Asli Tongkah yang menaikkan ikan gelama seberat 500 gram kira-kira jam 8.10 pagi dan membawa pulang RM3,000.

Simah berkata, memang pada awalnya, suami tidak mengizinkan

dia menyertai pertandingan itu disebabkan mempunyai anak kecil berusia setahun tetapi tidak sangka apabila bersungguh-sungguh hendak mencuba, suaminya memberi keizinan buat kali pertama.

"Mula-mula saya datang sendiri, suami saya jaga anak di rumah tapi kemudian suami saya datang beri sokongan, tapi masa tu tak tahu

lagi saya dapat tempat kedua. Saya anggap ini adalah rezeki anak," katanya yang ingin berkongsi rezekinya bersama keluarga.

Suaminya, Joel Hasnan, 29, ketika ditemui memberitahu dia tidak menyangka isterinya menerima wang tunai sebanyak itu dan mengakui pada awalnya tidak mengizinkan isterinya terlibat disebabkan mempunyai anak kecil tetapi kemudian membenarkan apabila melihat kesungguhan isterinya untuk mencuba buat kali pertama.

Sementara itu, Datuk Abdullah Sani Abdul Hamid berkata, program berkenaan berjaya menarik penyertaan pelbagai lapisan masyarakat sekali gus membantu mempromosikan Pantai Kelanang kepada pengunjung.

Menurutnya, beliau merancang menjadikan program memancing itu sebagai aktiviti tahunan di mana Pantai Kelanang antara empat lokasi dicadangkan termasuk di Pantai Morib, Tasik Banting Baru dan Tasik Bansar Saujana Putra.

"Namun, kita akan melihat kesesuaian dan penglibatan pelbagai pihak untuk memastikan program seumpama ini berjaya," katanya.

Husin Anjang Pulau komited perjuangan nasib pesara kerajaan



Nama Husin Anjang Pulau bukan lagi asing bagi Persatuan Pesara Kerajaan terutama di Daerah Kuala Langat.

Usaha beliau di dalam memperjuangkan agar golongan pesara mendapat beberapa keistimewaan sering mendapat perhatian.

Beliau telah diamanahkan memegang jawatan Pengerusi Persatuan Pesara Kerajaan Daerah Kuala Langat merangkap Timbalan Yang Dipertua Persatuan Pesara Kerajaan Negeri Selangor.

Beliau memberitahu,

pesara-pesara pada hari ini sebenarnya sangat selesa dengan perjuangan di peringkat kebangsaan apabila kenaikan pencen dua peratus setiap tahun dikuatkuasakan.

"Wang ihsan yang dahulunya hanya RM250 kini menjadi RM750 adalah antara hasil perjuangan pesara di seluruh Malaysia."

"Saya fikir banyak dah kemudahan pesara yang telah



Husin sering dipanggil dalam program masyarakat.



ditambah baik termasuk kemudahan kesihatan dan perubahan percuma. Mereka tak perlu lagi buat tuntutan hanya menunjukkan kad pesara.

"Sebab tu, bila moto 'pesara selesa negara sentosa' diperkenalkan, saya yakin semua ahli persatuan menganggap perjuangan selama ini tercapai dan selesa," katanya.

Husin yang pernah memegang jawatan Setiausaha Agung Kebangsaan Persatuan Pesara sejak 2005 sehingga 2013 berkata, pelbagai usaha sebenarnya dilakukan oleh setiap daerah bagi menarik minat ahli

baharu berdaftar dengan persatuan.

Katanya, dirinya sendiri sering turun padang bersama ahli jawatan kuasa melawat pesakit dan menyampaikan sumbangan kepada ahli yang dimasukkan ke dalam ward.

"Ia sebagai tanda prihatin persatuan selain turut memberikan sumbangan kepada waris ahli persatuan yang meninggal dunia," katanya.

Beliau adalah salah seorang pesara kerajaan dan pernah berkhidmat sebagai Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor pada 1991 sehingga 1993.

Husin yang berkhidmat dalam sektor kerajaan sepanjang 33 tahun ini berharap lebih ramai lagi pesara mendaftar sebagai ahli.

Husin ketika berucap membebaskan kata-kata dalam program di hadapan pesara.